

**PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN,
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
BILANGAN TAWARAN: EGNC/PM/4.1/3.2025**

**Central Digitisation Contract (CDC): The Provision of Document Collection, Delivery,
Transportation, Sorting, Digital Capture, Indexing, Migration, Testing and Quality
Inspection of Digitisation Service**

Syarat-Syarat Tawaran:

1. Untuk menyertai tawaran ini, mana-mana syarikat atau perusahaan hendaklah terlebih dahulu **melengkapkan Borang Pembelian Tawaran** yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang Pusat Kebangsaan E-Kerajaan <https://www.egnc.gov.bn/SitePages/Tender.aspx>
2. **Borang yang telah lengkap diisi** hendaklah dihadapkan ke Jabatan ini melalui emel kepada tender@egnc.gov.bn
3. Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk membuat pembelian bagi tawaran ini hendaklah membuat pembayaran bagi harga yuran tawaran dan e-dokumen tawaran yang berjumlah **\$505.00 (tidak dikembalikan) melalui online transfer.**
4. **Nombor akaun akan diberikan melalui emel** setelah borang di atas diterima dengan lengkap.
5. Bagi **Syarikat atau perusahaan yang telah membuat pembelian tawaran sahaja** :
 - a. Salinan asal resit pembayaran, e-dokumen tawaran, borang *Tender Form* dan Borang Pendaftaran Sesi Penerangan akan diberikan Selepas pembayaran dibuat.
 - b. Sesi penerangan tawaran akan diadakan pada hari **Selasa, 12 Ogos 2025** di Pusat Kebangsaan E-Kerajaan pada **jam 2:30 petang** dan terhad kepada **dua (2) orang wakil sahaja bagi setiap syarikat.**
6. Bagi sebarang pertanyaan lanjut berhubung dengan sesi penerangan tersebut bolehlah menghubungi ke Jabatan ini melalui e-mel tender@egnc.gov.bn
7. **Tawaran (*Proposal*)** hendaklah dihantar dalam **sampul surat yang tertutup dan mestilah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pengangkutan Dan Infokomunikasi.**
Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut:-

BILANGAN TAWARAN: EGNC/PM/4.1/3.2025

**Central Digitisation Contract (CDC): The Provision of Document Collection, Delivery,
Transportation, Sorting, Digital Capture, Indexing, Migration, Testing and Quality
Inspection of Digitisation Service**

tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada:-

**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

tidak lewat dari **jam 2.00 petang** pada hari **Selasa, 9 September 2025**.

8. Tawaran-tawaran yang diterima **lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan**.
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.